

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 28 MAC 2018

MUKA SURAT: 29

PR1MA Haven tawar diskaun

KUALA LUMPUR 27 Mac - Kerajaan memperkenalkan PR1MA Haven bagi membolehkan mereka yang mendaftar memohon Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) membeli perkakasan dan kelengkapan rumah pada harga istimewa.

Mereka boleh menikmati keistimewaan itu daripada 27 rakan strategik PR1MA Haven merangkumi perabot, perkakas dapur dan barangan elektrik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, program itu usaha kerajaan mensejahterakan kehidupan rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan pertengahan (M40) kerana mendapati golongan tersebut berbelanja lebih daripada berpendapatan rendah (B40).

"Kerajaan maklum, cita rasa golongan M40 ini lebih memberi tumpuan kepada gaya hidup berbanding sara hidup.

"PR1MA akan cuba menyediakan pelbagai program yang bukan hanya tertumpu kepada pemilikan rumah bersesuaian dengan tahap pendapatan dan cita rasa golongan M40," katanya ketika berucap merasmikan program PR1MA Haven sempena Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias.

Ekspo itu dianjurkan agensi kerajaan termasuk PR1MA; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).